TABUNG NSTP UNTUK GAZA
Nombor akaun Maybank: 514105-320501

Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2008
1klassifieds 1300 808 123 www.1k.com.my
r@kanbh komuniti interaktif BERITA HARIAN

Gambar Pilihan



Capaian Terus Ke Seksyen

Berita Utama | Wilayah | Nasional
Dunia | Ekonomi | Agama
Sukan | Rencana | Surat
Sabtu | Sastera | Ratu
XY | Tanya Doktor | Z!
MUTAKHIR

Klik Khas
Bintang Popular
Joran
Anugerah Bintang Popular (ABPBH)
P/Raya Kecil K.Terengganu 2008
P/Raya Kecil Permatang Pauh 2008
Pilihan Raya Umum Ke-12
Laporan Kajian Separuh Penggal RMK-9
Bajet 2009
Kabinet 2008
Galeri Pilihan BH
Klik DBP
Berita Sawit

Bursa Malaysia

BURSA MALAYSIA
07 Mar 2009

KL Composite Index




| | | |
|---|---|---|
| CI | :869.24 | ↑2.31 |
| FBMSHA | :5987.42 | ↓-0.00 |
| FBM2BRD | :3952.27 | ↓-0.00 |
| FBM-MDQ | :3111.49 | ↓-0.00 |
| FBM100 | :5580.10 | ↓-0.00 |
| FBM30 | :5588.32 | ↓-0.00 |
| FBM70 | :5469.89 | ↓-0.00 |
| FBM-SCAP | :6315.23 | ↓-0.00 |
| FBM-EMAS | :5676.02 | ↓-0.00 |
| FBM-FLEDGLING | :5217.16 | ↓-0.00 |
| FBM-A40 | :4246.02 | ↓40.92 |
| Ind | :2070.79 | ↑15.49 |
| Vol | :372,467,700.000 | |
| ↑225 | ↓230 | →← 225 |

Powered by

RENCANA

## Soal Jawab: Pelaksanaan PPSMI ganggu Perlembagaan, cendekiawan Melayu tak dipeduli: Gapena



Ismail Hussein

**Page anggap serampang dua mata mempertingkatkan bahasa saintifik dedahkan anak kepada bahasa Inggeris perbualan**

*Pandangan Gapena*

**KENAPA Gapena menentang pelaksanaan PPSMI?**

Kita menolak dan menentang sejak dulu tetapi tidak mendapat perhatian. Jika tanya saya, memang saya bantah, malah ramai cendekiawan Melayu termasuk yang popular seperti Profesor Emeritus Abdullah Hassan; Profesor Diraja Ungku Aziz, Datuk Profesor Dr Nik Safiah Karim dan ramai lagi turut menolak pelaksanaannya.

Kami yang mewakili pelbagai gabungan dan perwakilan, terkilan kerana tidak pernah dipedulikan. Kami menulis surat kepada kerajaan supaya pandangan dan idea bijak pandai diambil kira.

Keputusan (hasil kajian hala tuju pelaksanaan PPSMI) yang bakal dicapai pada akhir tahun ini bukannya untuk zaman kami tetapi generasi akan datang. Kita lihat masyarakat Cina, mereka gunakan kesatuan guru untuk mendapatkan maklum balas atau melalui MCA. Sebaliknya kerajaan langsung tak mahu dekat dengan kami terutama dengan orang yang berfikir. Bagi saya, orang seperti Ungku Aziz adalah orang yang berfikir.

Versi Akhbar Digital




Artikel lain:
Di Luar Lingkaran: Sama-sama selesaikan masalah ekonomi
Soal Jawab: Kematangan berpolitik bakal Ketua Puteri diuji
Tentera Darat setanding di negara maju
Padah dedah seks depan kanak-kanak

Google
Search
Web www.bharian.com.my

PERTANDINGAN PIDATO ANTARABANGSA BAHASA MELAYU 2009
PIALA TIMBALAN PERDANA MENTERI
1 - 8 MAC 2009 KUALA LUMPUR
INTERNET WEBHOSTING internet-webhosting.com SiteBuilder Percuma !!
Cipta iklan MENARIK
Money Back Guarantee! Klik Di Sini Penjimatan Elektrik No.1 di Malaysia!
BEKERJA DIRUMAH
PENDAPATAN HEBAT!
Sertai Pertandingan Kami dan Menangi Hadiah Lumayan !
GAJI MINGGUAN
Modal Tak Hilang
100% BERHASIL
KLIK SINI

Maklumat Penuh...







Dia (Ungku Aziz) tak minta apa-apa pun. Dia kata, ini (PPSMI) tak menguntungkan bangsa Melayu dan kami pun fikir macam itu. Kita akan sentiasa kalah kalau kita teruskan. Nasib baik budak-budak sekolah tak buat demonstrasi membantah sejak enam tahun dulu.

**Masyarakat Cina gunakan gagasan guru (Dong Jiao Zong) untuk pertahankan hak mereka dalam isu ini, bagaimana dengan orang Melayu?**

Keadaan berbeza apabila Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri. Sebelum itu, guru Melayu sentiasa berhubungan dengan rakyat, penuh pengorbanan dan cita-cita. Sebaliknya pada 1980-an Dr Mahathir mewujudkan golongan perniagaan Melayu dan Umno dikawal oleh teknokrat dan ahli perniagaan.

Mereka berfikiran 'cetek' menyebabkan hilang segala idealisme. Mereka kata budayawan macam kami cuma golongan bermimpi, hanya pandai bercakap. Kesulitan Umno sekarang ialah mereka bunuh golongan pemikir.

**Adakah guru sekarang tidak mempunyai pandangan sendiri (mengenai pelaksanaan PPSMI) atau tidak mahu ambil tahu apa yang berlaku?**

Guru dalam perkhidmatan terikat dengan peraturan. Kalau mahukan pandangan mengenai PPSMI, tanyalah guru pencen kerana mereka ada persatuan.

Sebenarnya, pada peringkat bawahan, tak ada guru yang sokong. Mereka merana dan kecewa tetapi tidak boleh berbuat apa-apa sebab orang tak mahu dengar pandangan mereka.

**Kenapa sekarang baru bertindak dan membuat laporan polis?**

Kita sabar, rendah diri dan ia adalah kemuncak. Disebabkan pandangan kami tidak pernah didengari, kami berasa perlu mengambil tindakan tegas kerana pelaksanaan PPSMI mencabar Perlembagaan.

**Ada dakwaan guru tidak mencapai standard untuk mengajar mengikut PPSMI dan ia satu faktor kegagalan dalam pengajaran. Apa komen Tan Sri?**

Kita kena ingat sejarah kemerdekaan 50 tahun, Malaysia harmoni dari segi budaya, kemewahan, kegagahan hinggakan negara jiran terpegun melihat kejayaan kita, itu semua siapa yang buat, semua kerajaan ditunjangi Melayu. Zaman 1960-an di Universiti Malaya, kami jadi 'Red Indian' kerana bilangan terlalu kecil dan bangsa lain mempersoal, memperlekeh bagaimana kami boleh layak masuk universiti. Apabila Tun Abdul Razak (bekas Perdana Menteri) ambil alih, beliau tukar banyak perkara dan fokus kepada bahasa, budaya Melayu, itu yang mengubah banyak perkara. Itu yang menimbulkan keyakinan. Bagi saya, 50 tahun kemegahan kemerdekaan adalah atas dasar yang diperkenalkan Tun Razak sejak berpuluh-puluh tahun dulu.

**Apa rancangan yang pernah dikemukakan kepada kerajaan?**

Inilah masalah besar. Sepatutnya ada pihak berbincang dengan cendekiawan Melayu. Jangan tanya bangsa lain, jangan hanya bawa isu ini ke Kabinet kerana nak dapatkan sokongan. Akan ada pihak menggunakan peluang ini untuk menghancurkan bahasa, budaya, institusi Raja Melayu, kerajaan Melayu dan apa saja berkaitan Melayu.

Saya sendiri pernah hantar surat kepada Timbalan Perdana Menteri (Datuk

Seri Najib Razak) untuk jumpa, bincang soal bangsa Melayu. Kalau Umno fikir mereka parti Melayu, mereka perlu bergabung fikiran dengan Melayu di luar parti macam kami untuk cari idea dan dapatkan pandangan.

**Adakah Umno juga perlu berubah dan mewujudkan jawatankuasa bagi mempertahankan hak orang Melayu?**

Saya rasa itu memang patut. Dalam Perlembagaan ada dua usul iaitu agama Islam dan bahasa Melayu. Dalam laporan polis kami, ia merujuk kepada menyentuh bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kalau nak buat apa pun, buatlah tetapi jangan kacau Perlembagaan dan bagi kami pelaksanaan PPSMI jelas mengganggu Perlembagaan. Sebab sekarang ini semuanya cuba guna bahasa Inggeris.

Kalau kita laksanakan PPSMI, kita mengabaikan budaya Melayu. Padahal kalau bahasa Melayu digunakan di Malaysia, ia masih tidak menyeluruh, contohnya masih ada masyarakat Cina di Ipoh dan Pulau Pinang belum fasih berbahasa Melayu. Masih ramai yang tak gunakan bahasa Melayu dan tak tahu berbahasa Melayu, ada yang tak boleh baca papan tanda jalan dalam bahasa Melayu, inikan pula kalau kita gunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama di sekolah, kesannya lagi teruk.

Bagi kami kalau nak pandai, kami sokong bahasa Inggeris ditingkatkan bagi orang Melayu tetapi orang bukan Melayu patut tingkatkan bahasa Melayu supaya seimbang.

**Ada dakwaan tindakan badan bukan kerajaan (NGO) termasuk Gapena menentang dan membuat laporan polis didalangi pihak berkepentingan. Adakah ia benar?**

Anda sendiri tengok kami di sini, ada dalang ke? Kami katakan Melayu adalah dalang, nak katakan dalang kamilah dalang dan kita bersubahat dengan kawan-kawan yang bersimpati dengan perjuangan kami, itu orang lain tak boleh kata apa. Kalau orang politik nak sokong, kami terima.

**Masalah penguasaan bahasa Inggeris di luar bandar dikatakan tidak seimbang sekolah bandar. Adakah melalui PPSMI ini, ia boleh dijadikan satu pendekatan baik mencapai matlamat itu?**

Bukan hanya melalui PPSMI, ada seribu cara dan kami sendiri akan tolong. Kita akan lebih pandaikan budak Melayu melalui cara yang lebih baik.

Kalau semua budayawan, cendekiawan Melayu berada di belakang kerajaan, ia akan berjaya. Kita boleh tolong dari segi buah fikiran, macam-macam idea boleh timbul. Pelajar di bandar, ada kelas tambahan, tuisyen, tapi budak kampung nak buat apa. Di bandar, bahasa perbualan harian pun guna bahasa Inggeris tetapi di kampung, keadaan jauh berbeza. Sekarang jelas, budak Melayu dianggap bodoh dan jadi bahan ketawa, kita tengok keputusan peperiksaan.

Pencapaian dan keputusan peperiksaan tanpa mengira kaum dipaparkan untuk memperlihatkan prestasi PPSMI, itu tak betul, kena buat ikut kaum. Kalau boleh buktikan 90 peratus Melayu masuk universiti, itu memang bukti baik. Kalau betul (berjaya), universiti akan kembali dikuasai anak Melayu. Ini bukan masalah 30 peratus penguasaan ekonomi tetapi soal pembelajaran.

*Pandangan Page*

**Apa yang mendorong Page bertindak?**

Kita bertindak untuk generasi akan datang, bukan saja untuk pelajar bandar tetapi luar bandar. Dakwaan kami hanya mewakili kawasan bandar, tidak benar. Pada peringkat awal, kami disokong ibu bapa daripada sekolah di Lembah Klang, Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Rawang, Kulai, Pangkalan Chepa, Sarawak dan kini, setiap negeri ada wakil yang menyokong. Mereka yang menyokong bukan semua boleh bertutur bahasa Inggeris.

Mereka tahu kebaikan menguasai bahasa Inggeris dan mahu anak mereka mahir. Isu ini dibangkitkan pada 2007 dan sebelum pilihan raya lalu. Pada Mei 2008, laporan akhbar berbahasa Cina mengatakan sistem lama akan diguna pakai semula. Menteri minta pandangan dan kita tunggu PIBG kebangsaan buat pendirian tetapi tiada apa-apa. Pakatan PIBG pun senyap, kami mula risau sebab ini krisis negara.

Ketika persidangan meja bulat pada Ogos 2008, PIBG kebangsaan diberi masa 20 minit untuk buat pembentangan tetapi presiden pun tak datang, cuma diwakili naib presiden yang mengatakan PIBG tiada pendirian, cuma beliau nyatakan pandangan peribadi. Dari situ kami rasakan ada sesuatu yang tidak kena. Beliau mengatakan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), semua nak kembali kepada sistem asal sedangkan MRSM sendiri adalah lambang pendidikan tinggi. Kami dapatkan mandat dan jemput wakil PIBG,

sekolah di Lembah Klang dan bincang bagaimana nak bertindak. Dalam tempoh dua bulan kita dapat sokongan 2,000 individu dan 240 sekolah yang minta PPSMI dikekalkan.

**Pihak yang menolak pelaksanaan PPSMI menggunakan alasan mempertahankan martabat bahasa Melayu. Komen Page?**

Mempraktikkan PPSMI tidak bermakna menjatuhkan martabat bahasa ibunda kerana masih tetap digunakan dalam pembelajaran. Hakikatnya soal itu tidak timbul langsung. Pada kami ia cukup mudah, bandingkan masa subjek mata pelajaran di sekolah rendah mengikut jam. Analisisnya ialah Bahasa Inggeris (BI) mencatatkan 15 peratus, Bahasa Melayu (BM) pula 21 peratus dan subjek lain yang diajar dalam bahasa Melayu, 38 peratus.

Matematik dan Sains pula 26 peratus dan secara keseluruhannya, pendedahan masa kini pada 2008 ialah BI, 41 peratus dan BM sebanyak 59 peratus. Itu belum termasuk perbualan harian, perhimpunan mingguan dalam BM dan ia sebenarnya lebih 59 peratus, jadi tanggapan PPSMI mengabaikan BM adalah tidak tepat. Di sekolah menengah pun sama, jika termasuk pecahan Sains, Biologi, Fizik dan Kimia, peratusan pengajaran dalam bahasa Inggeris ialah 37.5 peratus, manakala bahasa Melayu 62.5 peratus. Itu semua analisis asas dan soal mengabaikan bahasa Melayu sebenarnya tidak wujud.

**Pejuang bahasa melaungkan bahasa Inggeris tidak boleh dipelajari menerusi subjek Sains dan Matematik?**

PPSMI sebenarnya serampang dua mata kerana ia adalah cara memperbaiki dan mempertingkatkan bahasa Inggeris saintifik di kalangan pelajar, di samping mendedahkan anak kepada bahasa Inggeris perbualan.

Lingua franca am dunia, mempelajari Sains dan Matematik ialah bahasa Inggeris. Hujahnya mudah, iaitu istilah dalam bahasa Inggeris lengkap berbanding bahasa Melayu yang masih kekurangan dan terhad; bahan rujukan dalam bahasa Inggeris lebih meluas; pelajaran seterusnya dalam bidang ini adalah bahasa Inggeris, bahkan universiti terbaik, sama ada untuk sarjana muda atau sarjana atau pun kedoktoran menggunakan bahasa Inggeris.

Ada yang cadangkan jika PPSMI dihapuskan, sastera Inggeris khas diajar untuk tingkatkan penguasaan bahasa Inggeris, tetapi masa mana yang perlu digantikan, adakah dengan masa BM, sedangkan jika Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris, pelajar akan mendapat dua manfaat serentak. Kita bukan nak membesarkan bahasa Inggeris, cuma nak ilmunya.

**Bagaimana nasib murid yang bersekolah dan tinggal di pedalaman yang dikatakan ketinggalan dalam bahasa Inggeris?**

Mereka selalu menggunakan alasan anak di kampung kurang faham bahasa Inggeris. Itu memperlekehkan kemampuan mereka. Harus diingat, tiada murid yang bodoh, cuma pengajarnya yang lemah, persekitarannya perlu diperbaiki. Anak kita bukanlah punca masalah apa-apa polisi kerana kajian saintifik menunjukkan umur paling baik untuk menyerap dan belajar sesuatu bahasa adalah dua hingga tujuh tahun. Jadi, kita mesti mengambil peluang ini untuk memastikan anak kita mempelajari bahasa Inggeris di samping mengekalkan dan memartabatkan bahasa Melayu.

Profesor Shichida menggunakan metodologi ini untuk mengasuh minda muda menyerap bahasa, angka dan daya ingatan iaitu 'dedah, dedah, dedah. Berlatih, berlatih, berlatih, dan pendekatan ini juga diamalkan dalam cara pembelajaran Professor T Kumon. Cadangan Page ialah bahasa Inggeris harus diperkenalkan pada peringkat tadika dan tenaga bekas guru digunakan kerana mereka mempunyai pengalaman dan kemahiran yang perlu dikongsi.

**Bagaimana masalah kekurangan guru yang kurang fasih dalam bahasa Inggeris dalam melaksanakan PPSMI?**

Antara cadangan yang mungkin kita serap dalam mengkaji semula metodologi yang dipakai untuk mengasuh guru mengajar di sekolah ialah mempertingkatkan kualiti guru maktab perguruan. Kerajaan melabur begitu banyak untuk menyediakan guru mengajar dalam bahasa Inggeris dan ia perlu diteliti untuk memastikan pelaburan itu meraih keputusan positif.

Kerajaan membelanjakan RM5.2 bilion untuk peralatan dan penyediaan termasuk menghantar guru ke luar negara. Mereka masih belum pulang. Itu semua pelaburan, takkan kita nak kembali kepada sistem asal, apa akan jadi dengan peruntukan besar yang sudah dibelanjakan.

Kita perlu belajar daripada pengalaman Negeri Sembilan. Melalui Yayasan Negeri Sembilan, Keluarga Diraja Negeri Sembilan membiayai projek

'PIERS' untuk melatih dan melengkapkan guru di 34 sekolah di negeri itu. Seramai 300 guru dilatih sambil bekerja dan tambahan untuk mengajar dalam bahasa Inggeris dalam masa setahun. Apabila kembali bertugas, mereka mengajar guru lain bagaimana mengajar dalam bahasa Inggeris.

Keputusan menunjukkan mereka berjaya menguasai bahasa Inggeris dan mencapai peningkatan tinggi dalam kebolehan mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Malah, mereka menjadi guru yang penuh motivasi, kreatif dan berkeyakinan. Proses itu sangat berjaya dan sedang diteruskan hinggakan mereka dihantar ke Sabah dan Sarawak untuk gunakan kaedah sama.

**Ada dakwaan keputusan peperiksaan merosot disebabkan Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris. Komen Page?**

Itu tidak benar. Kumpulan perintis PPSMI baru saja menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan belum menduduki Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mereka adalah pramatang. Kesimpulannya keputusan PMR dan SPM yang digunakan sebagai dasar hujah ini tidak boleh dipakai kerana anak ini tidak diajar dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah.

Hakikatnya PPSMI diwujudkan pada 2003 bagi murid Darjah Satu dan Tingkatan Satu. Pada 2008, perintis pertama menduduki UPSR dan 2007 adalah generasi pertama menduduki SPM bermula di Tingkatan Satu. Dakwaan keputusan menurun tidak tepat kerana ia berdasarkan PMR dan SPM bukannya UPSR kerana ia masih menggunakan separuh daripada sistem lama iaitu belajar bahasa ibunda di sekolah rendah dan bahasa Inggeris di sekolah menengah. Itu masalahnya kerana ia bercampur dan tidak sepenuhnya di bawah PPSMI.

Kajian antarabangsa dibuat kepada pelajar berusia 14 tahun memang menurun tetapi generasi pertama yang gunakan sepenuhnya PPSMI baru pada tahap Darjah Lima, sedangkan itulah sasaran kita sebenarnya. Mereka belum lengkap dan masih jauh untuk dinilai, jadi penilaian kepada pelajar 14 tahun itu tidak tepat kerana mereka adalah generasi campuran, iaitu hanya menggunakan BI di sekolah menengah. Tarikh paling awal membuat perbandingan keberkesanan dasar PPSMI adalah berdasarkan tiga tahun keputusan PMR iaitu pada 2013 dan lima tahun berdasarkan keputusan PMR dan SPM pada 2016.

**Mengapa kita tidak mencontohi Jepun dan Korea yang mengutamakan bahasa ibunda tetapi tetap maju, berdaya saing dan menjadi negara industri?**

Kita rujuk kepada sejarah. Sejarah revolusi industri bermula di Eropah dan Britain pada akhir abad ke-19, disusuli Jepun, Korea dan kemudiannya Taiwan. Proses perindustrian di Malaysia hanya bermula pada 1970-an dan diperkembangkan sepenuhnya pada 1980-an. Ia mencatatkan perbezaan kira-kira 100 tahun selepas zaman industri Eropah dan Jepun, manakala kita ketinggalan 40 tahun di belakang Korea dan Taiwan. Adakah bahasa Malaysia dikategorikan bahasa pengetahuan industri, sudah tentu tidak dan di manakah kedudukannya. Satu contoh mudah di kilang Proton, bahan rujukan seperti manual dan garis panduan adalah dalam bahasa Inggeris.

Negara seperti Jepun adalah negara pembuat, sudah tentu mereka menggunakan bahasa ibunda sedangkan kita negara pengguna. Bagi kes Dong Jiao Zong yang memperjuangkan penghapusan PPSMI, mereka sedar yang mereka masih beruntung dengan bahasa Mandarin tetapi bagaimana pula dengan anak kita di sekolah kebangsaan kalau tidak bahasa Inggeris?

Daripada dunia industri, sekarang beralih kepada dunia maklumat. Di dalam dunia internet, jika kita mencari rencana melalui google atau yahoo dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, kita akan mendapati perbezaan jelas. Contohnya merujuk kepada istilah matematik dan mathematics, apa yang akan kita temui ialah rencana matematik dalam bahasa Melayu cuma 0.3 peratus dan rencana dalam bahasa Inggeris 97.7 peratus. Hakikat sama dalam rencana sains merujuk kepada penemuan 99.9 peratus dalam bahasa Inggeris dan cuma 0.1 peratus dalam bahasa Melayu.

*Ibu Bapa Untuk Pendidikan (Page):*

**Apa yang mendorong Page bertindak?**

Kita bertindak untuk generasi akan datang, bukan saja untuk pelajar bandar tetapi luar bandar. Dakwaan kami hanya mewakili kawasan bandar, tidak benar. Pada peringkat awal, kami disokong ibu bapa daripada sekolah di Lembah Klang, Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Rawang, Kulai, Pangkalan Chepa, Sarawak dan kini, setiap negeri ada wakil yang menyokong. Mereka yang menyokong bukan semua boleh bertutur bahasa Inggeris.

Mereka tahu kebaikan menguasai bahasa Inggeris dan mahu anak mereka

mahir. Isu ini dibangkitkan pada 2007 dan sebelum pilihan raya lalu. Pada Mei 2008, laporan akhbar berbahasa Cina mengatakan sistem lama akan diguna pakai semula. Menteri minta pandangan dan kita tunggu PIBG kebangsaan buat pendirian tetapi tiada apa-apa. Pakatan PIBG pun senyap, kami mula risau sebab ini krisis negara.

Ketika persidangan meja bulat pada Ogos 2008, PIBG Kebangsaan diberi masa 20 minit untuk buat pembentangan tetapi presiden pun tak datang, cuma diwakili naib presiden yang mengatakan PIBG tiada pendirian, cuma beliau nyatakan pandangan peribadi. Dari situ kami rasakan ada sesuatu yang tidak kena. Beliau mengatakan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), semua nak kembali kepada sistem asal sedangkan MRSM sendiri adalah lambang pendidikan tinggi. Kami dapatkan mandat dan jemput wakil PIBG, sekolah di Lembah Klang dan bincang bagaimana nak bertindak. Dalam tempoh dua bulan kita dapat sokongan 2,000 individu dan 240 sekolah yang minta PPSMI dikekalkan.

**Pihak yang menolak pelaksanaan PPSMI menggunakan alasan mempertahankan martabat bahasa Melayu. Komen Page?**

Mempraktikkan PPSMI tidak bermakna menjatuhkan martabat bahasa ibunda kerana masih tetap digunakan dalam pembelajaran. Hakikatnya soal itu tidak timbul langsung. Pada kami ia cukup mudah, bandingkan masa subjek mata pelajaran di sekolah rendah mengikut jam. Analisisnya ialah Bahasa Inggeris (BI) mencatatkan 15 peratus, Bahasa Melayu (BM) pula 21 peratus dan subjek lain yang diajar dalam bahasa Melayu, 38 peratus.

Matematik dan Sains pula 26 peratus dan secara keseluruhannya, pendedahan masa kini pada 2008 ialah BI, 41 peratus dan BM sebanyak 59 peratus. Itu belum termasuk perbualan harian, perhimpunan mingguan dalam BM dan ia sebenarnya lebih 59 peratus, jadi tanggapan PPSMI mengabaikan BM adalah tidak tepat. Di sekolah menengah pun sama, jika termasuk pecahan Sains, Biologi, Fizik, Kimia, peratusan pengajaran dalam bahasa Inggeris ialah 37.5 peratus, manakala Bahasa Melayu 62.5 peratus. Itu semua analisis asas dan soal mengabaikan bahasa Melayu sebenarnya tidak wujud.

**Pejuang bahasa melaungkan bahasa Inggeris tidak boleh dipelajari menerusi subjek Sains dan Matematik?**

PPSMI sebenarnya serampang dua mata kerana ia adalah cara memperbaiki dan mempertingkatkan bahasa Inggeris saintifik di kalangan pelajar, di samping mendedahkan anak kepada bahasa Inggeris perbualan.

Lingua franca am dunia, mempelajari Sains dan Matematik ialah bahasa Inggeris. Hujahnya mudah, iaitu istilah dalam bahasa Inggeris lengkap berbanding bahasa Melayu yang masih kekurangan dan terhad; bahan rujukan dalam bahasa Inggeris lebih meluas; pelajaran seterusnya dalam bidang ini adalah bahasa Inggeris, bahkan universiti terbaik, sama ada untuk sarjana muda atau sarjana atau pun kedoktoran menggunakan bahasa Inggeris.

Ada yang cadangkan jika PPSMI dihapuskan, sastera Inggeris khas diajar untuk tingkatkan penguasaan bahasa Inggeris, tetapi masa mana yang perlu digantikan, adakah dengan masa BM, sedangkan jika Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris, pelajar akan mendapat dua manfaat serentak. Kita bukan nak membesarkan bahasa Inggeris, cuma nak ilmunya.

**Bagaimana nasib murid yang bersekolah dan tinggal di pedalaman yang dikatakan ketinggalan dalam bahasa Inggeris?**

Mereka selalu menggunakan alasan anak di kampung kurang faham bahasa Inggeris. Itu memperlekehkan kemampuan mereka. Harus diingat, tiada murid yang bodoh, cuma pengajarnya yang lemah, persekitarannya perlu diperbaiki. Anak kita bukanlah punca masalah apa-apa polisi kerana kajian saintifik menunjukkan umur paling baik untuk menyerap dan belajar sesuatu bahasa adalah dua hingga tujuh tahun. Jadi, kita mesti mengambil peluang ini untuk memastikan anak kita mempelajari bahasa Inggeris di samping mengekalkan dan memartabatkan bahasa Melayu.

Profesor Shichida menggunakan metodologi ini untuk mengasuh minda muda menyerap bahasa, angka dan daya ingatan iaitu 'dedah, dedah, dedah. Berlatih, berlatih, berlatih, dan pendekatan ini juga diamalkan dalam cara pembelajaran Professor T Kumon. Cadangan Page ialah bahasa Inggeris harus diperkenalkan pada peringkat tadika dan tenaga bekas guru digunakan kerana mereka mempunyai pengalaman dan kemahiran yang perlu dikongsi.

**Bagaimana masalah kekurangan guru yang kurang fasih dalam bahasa Inggeris dalam melaksanakan PPSMI?**

Antara cadangan yang mungkin kita serap dalam mengkaji semula

metodologi yang dipakai untuk mengasuh guru mengajar di sekolah ialah mempertingkatkan kualiti guru maktab perguruan. Kerajaan melabur begitu banyak untuk menyediakan guru mengajar dalam bahasa Inggeris dan ia perlu diteliti untuk memastikan pelaburan itu meraih keputusan positif.

Kerajaan membelanjakan RM5.2 bilion untuk peralatan dan penyediaan termasuk menghantar guru ke luar negara. Mereka masih belum pulang. Itu semua pelaburan, takkan kita nak kembali kepada sistem asal, apa akan jadi dengan peruntukan besar yang sudah dibelanjakan.

Kita perlu belajar daripada pengalaman Negeri Sembilan. Melalui Yayasan Negeri Sembilan, Keluarga Diraja Negeri Sembilan membiayai projek 'PIERS' untuk melatih dan melengkapkan guru di 34 sekolah di negeri itu. Seramai 300 guru dilatih sambil bekerja dan tambahan untuk mengajar dalam bahasa Inggeris dalam masa setahun. Apabila kembali bertugas, mereka mengajar guru lain bagaimana mengajar dalam bahasa Inggeris.

Keputusan menunjukkan mereka berjaya menguasai bahasa Inggeris dan mencapai peningkatan tinggi dalam kebolehan mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Malah, mereka menjadi guru yang penuh motivasi, kreatif dan berkeyakinan. Proses itu sangat berjaya dan sedang diteruskan hinggakan mereka dihantar ke Sabah dan Sarawak untuk gunakan kaedah sama.

**Ada dakwaan keputusan peperiksaan merosot disebabkan Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris. Komen Page?**

Itu tidak benar. Kumpulan perintis PPSMI baru saja menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan belum menduduki Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mereka adalah pramatang. Kesimpulannya keputusan PMR dan SPM yang digunakan sebagai dasar hujah ini tidak boleh dipakai kerana anak ini tidak diajar dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah.

Hakikatnya PPSMI diwujudkan pada 2003 bagi murid darjah satu dan tingkatan satu. Pada 2008, perintis pertama menduduki UPSR dan 2007 adalah generasi pertama menduduki SPM bermula di tingkatan satu. Dakwaan keputusan menurun tidak tepat kerana ia berdasarkan PMR dan SPM bukannya UPSR kerana ia masih menggunakan separuh daripada sistem lama iaitu belajar bahasa ibunda di sekolah rendah dan bahasa Inggeris di sekolah menengah. Itu masalahnya kerana ia bercampur dan tidak sepenuhnya di bawah PPSMI.

Kajian antarabangsa dibuat kepada pelajar berusia 14 tahun memang menurun tetapi generasi pertama yang gunakan sepenuhnya PPSMI baru pada tahap darjah lima, sedangkan itulah sasaran kita sebenarnya. Mereka belum lengkap dan masih jauh untuk dinilai, jadi penilaian kepada pelajar 14 tahun itu tidak tepat kerana mereka adalah generasi campuran, iaitu hanya menggunakan BI di sekolah menengah. Tarikh paling awal membuat perbandingan keberkesanan dasar PPSMI adalah berdasarkan tiga tahun keputusan PMR iaitu pada 2013 dan lima tahun berdasarkan keputusan PMR dan SPM pada 2016.

**Mengapa kita tidak mencontohi Jepun dan Korea yang mengutamakan bahasa ibunda tetapi tetap maju, berdaya saing dan menjadi negara industri?**

Kita rujuk kepada sejarah. Sejarah revolusi industri bermula di Eropah dan Britain pada akhir abad ke-19, disusuli Jepun, Korea dan kemudiannya Taiwan. Proses perindustrian di Malaysia hanya bermula pada 1970-an dan diperkembangkan sepenuhnya pada 1980-an. Ia mencatatkan perbezaan kira-kira 100 tahun selepas zaman industri Eropah dan Jepun, manakala kita ketinggalan 40 tahun di belakang Korea dan Taiwan. Adakah bahasa Malaysia dikategorikan bahasa pengetahuan industri, sudah tentu tidak dan di manakah kedudukannya. Satu contoh mudah di kilang Proton, bahan rujukan seperti manual dan garis panduan adalah dalam bahasa Inggeris.

Negara seperti Jepun adalah negara pembuat, sudah tentu mereka menggunakan bahasa ibunda sedangkan kita negara pengguna. Bagi kes Dong Jiao Zong yang memperjuangkan penghapusan PPSMI, mereka sedar yang mereka masih beruntung dengan bahasa Mandarin tetapi bagaimana pula dengan anak kita di sekolah kebangsaan kalau tidak bahasa Inggeris?

Daripada dunia industri, sekarang beralih kepada dunia maklumat. Di dalam dunia internet, jika kita mencari rencana melalui google atau yahoo dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, kita akan mendapati perbezaan jelas. Contohnya merujuk kepada istilah matematik dan mathematics, apa yang akan kita temui ialah rencana matematik dalam bahasa Melayu cuma 0.3 peratus dan rencana dalam bahasa Inggeris 97.7 peratus. Hakikat sama dalam rencana sains merujuk kepada penemuan 99.9 peratus dalam bahasa Inggeris dan cuma 0.1 peratus dalam bahasa Melayu.

Cetak artikel | Hantar pada kawan

**Iklan Teks**

- **Laporan PERCUMA - Bongkar Rahsia Kekayaan !!** Baru!
- **Blog RMXXX + 2HARI LATIHAN percuma** Baru!
- **RAHSIA MANGGIS, BAKAL USAHAWAN DIPERLUKAN** Baru!
- **<<"BARU" BAKAL MELETUP DI PASARAN>>** Baru!
- **MUDAH, MURAH & TELUS !!!** Baru!
- **PENTERNAKAN CACING ORGANIK!! PENDAPATAN LUMAYAN!!** Baru!
- **PELUANG UNTUK SEMUA LEADER MLM** Baru!
- **BISNES HEBAT RAMAI ARTIS SERTAI** Baru!
- **MARI BUAT DUIT ONLINE PERCUMA !** Baru!
- **+++SANGAT MURAH!! PRABAYAR PALING UNTUNG+++** Baru!
- **Peluang Jana Pendapatan Harian Anda**
- **BISNES LUMAYAN BERSAMA ARTIS !**
- **RAHSIA JUTAWAN SEGERA**
- **PANAS!! PENDAPATAN 6ANGKA BERSAMA ALPHALIPID**
- **$$BONUS DUIT$$.... VEMMA PERCUMA ONLINE**
- **RAHSIA JUTAWAN TERBONGKAR !!!**
- **DAFTAR PERCUMA...JANA WANG$$ 100%ONLINE**
- **RMXXXX/bulan, 100%online, sambilan bersama DCL4U**
- **WAH!! BONUS$$$DIBAYAR MINGGUAN, DAFTAR/PERCUMA**
- **Premium BEAUTIFUL-WOW 5minit SLIMMING!!**
- **!!!PRODUK WANITA!!!**
- **Hosting RMXX setahun, 25% affiliate**
- **GANDA WANG BERTERUSAN KE AKAUN-CIMB!**
- **ALPHALIPID!! Rahsia Kesihatan & Kebebasan Kewangan**
- **ALPHALIPID NO 1 : BAKAL USAHAWAN DIPERLUKAN**
- **>>>TEKNIK GEMPAK MENJADI JUTAWAN DIEBAY<<<**
- **$$ DUIT mingguan $$**
- **RAHSIA YOUTUBE MENJANA RMXXX SEHARI !!**
- **KHUSUS KEPADA PENCARI PELUANG PENDAPATAN**
- **BUAT DUIT Dengan MYSPACE & FRIENDSTER-V3**
- **EKSKLUSIF untuk LELAKI : HEBAT MENGGEGARKAN !!**
- **Prestasi Unggul Hubungan Intim**
- **INILAH CARANYA!!! $$$$$$$$$$**
- **$$BONUS HEBAT UNTUK KAKITANGAN AWAM/SWASTA$$**
- **WOWW!! HARI-HARI DUIT MASUK BANK !!**
- **Akan Lancar Mac2009 - MyDNA2u**
- **Konsep BARU ! - Bantu-di-Bantu**
- **Tingkatkan Keyakinan Diri Melalui Sains**
- **FORMULA LUAR BIASA JANA PENDAPATAN !**
- **!!!! RAHSIA HEBAT !!!!!**
- **KERJA MUDAH JANA$ SETIAP MINGGU**
- **Rahsia Forex Terhebat...200-300pips sehari!!**
- **^^Harga Rendah Tempah Laman Web^^**

**Tempah Iklan Teks disini**

NSTP E-MEDIA MY METRO NST ONLINE

Hak Cipta Terpelihara 2009 - Berita Harian Sdn. Bhd. Emel kami sebarang maklum balas.
Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.
957 online

Kembali ke atas